

HUBUNGAN DI ANTARA STATUS SOSIO EKONOMI (SSE) KELUARGA  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK : SATU KAJIAN KE ATAS PELAJAR  
ALIRAN TEKNIKAL DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK  
NEGERI SEMBILAN

MOHD ZAINAL BIN MAT IL

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2004

*Untuk Ayahanda Allahyarham Mat il B. Seman dan Bonda Sapinah Bt. Salleh...*

*Tiada terbalas budi dan jasa pengorbanan yang dicurahkan selama ini.*

*Hanya Allah yang akan membalaasnya.*

*Untuk Kak Da, Kak Ni, Abe Li, Abe Pi, Abe Nor dan adik-adik...*

*Terima kasih  dan dorongan yang diberikan.*

*Buat teman-teman dari dulu hingga kini...*

*Semoga apa yang dicita-cita dan diimpikan menjadi kenyataan.*

*Anggaplah ini sebagai kejayaan bersama.*



## PENGHARGAAN

*“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”*

Segala pujian hanya bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan selamat dan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Haji Zulkifli Bin Senin selaku pembimbing yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala jasa baik beliau amat dihargai dan ianya amat berguna dan begitu bernilai sekali.

Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang turut memberikan tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya. Segala idea dan cadangan mereka memantapkan lagi kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada responden iaitu pelajar tingkatan empat aliran teknikal di lima buah Sekolah Menengah Teknik sekitar Negeri Sembilan yang turut sama memberikan kerjasama sepanjang kajian. Kepada rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan ribuan terima kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai.

Akhir sekali, harapan saya semoga kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak. InsyaAllah.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara status sosio ekonomi (SSE) keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar aliran teknikal. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tingkatan empat aliran teknikal di lima buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan iaitu Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Sekolah Menengah Teknik Juasseh, Sekolah Menengah Teknik Pertanian Rembau, Sekolah Menengah Teknik Ampangan dan Sekolah Menengah Teknik Port Dickson. Seramai 350 orang pelajar terlibat dalam kajian ini dan dipilih secara rawak mudah. Analisis regresi mudah dan regresi berbilang digunakan untuk melihat hubungan di antara pembolehubah yang dikaji. Keseluruhan data kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 11.5 dengan membuat pengiraan peratusan dan regresi. Dapatan kajian menunjukkan secara majoritinya, SSE mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa SSE mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar aliran teknikal. Beberapa cadangan dikemukakan untuk panduan kajian selanjutnya.



## ABSTRACT

The purpose of this research is to seek a relationship between family socio economy status (SES) and academic achievement among technical stream student. This research focused on form four technical stream students of five technical schools in Negeri Sembilan which Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Sekolah Menengah Teknik Pertanian Rembau, Sekolah Menengah Teknik Ampangan and Sekolah Menengah Teknik Port Dickson. 350 students have been chosen by simple random sampling method. Simple regression and multiple regression analysis have been used to seek a relationship between research variables. All the data of this research have been analyzed using Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 11.5 to get percentage and regression test. The result of this research shows that SES has significant relationship and influence student's academic achievement. A few suggestions were recommended for due consideration and guidance for further research.



## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	xii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	



<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
--------------	-------------------	-------------------

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.6.1 Hipotesis Pertama	7
1.6.2 Hipotesis Kedua	7
1.6.3 Hipotesis Ketiga	7
1.6.4 Hipotesis Keempat	8
1.6.5 Hipotesis Kelima	8
1.7 Kerangka Teori	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Skop Kajian	10
1.10 Definisi Istilah dan Pengoperasian	11
1.11 Kesimpulan	13

<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
---------------	--------------------------	-------------------

2.1 Pengenalan	14
2.2 Tinjauan Kajian Lepas Tentang Hubungan Di antara Status Sosio Ekonomi (SSE) Keluarga dengan Pencapaian Akademik	15
2.2.1 Kajian Dalam Negeri	15
2.2.2 Kajian Luar Negeri	21
2.3 Rumusan	24

<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
----------------	--------------------------	-------------------

3.1 Pendahuluan	25
3.2 Reka bentuk Kajian	26
3.3 Rangkakerja Operasi	27
3.4 Subjek/Sumber Data	28
3.4.1 Data Primer	28
3.4.1.1 Populasi Kajian	28
3.4.1.2 Sampel Kajian	28
3.4.1.3 Kaedah Persampelan	28
3.4.2 Data Sekunder	28
3.5 Instrumen kajian	29
3.6 Kajian Rintis	31
3.7 Kaedah Analisis Data	32
3.7.1 Kaedah Peratusan Mudah	32
3.7.2 Kaedah Analisis Regresi	32
3.7.2.1 Analisis Regresi Mudah	34
3.7.2.2 Analisis Regresi Berbilang	35
3.8 Andaian Kajian	36
3.9 Batasan Kajian	36
3.10 Kesimpulan	36

<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
---------------	----------------------	-------------------

4.1 Pendahuluan	37
4.2 Bahagian A : Latar Belakang Responden	38
4.2.1 Jantina	38
4.2.2 Tempat Tinggal	39
4.2.3 Jurusan	40

4.2.4	Kedudukan dalam Keluarga	41
4.2.5	Ketua Keluarga	42
4.3	Bahagian B : Status Sosio Ekonomi Keluarga	42
4.3.1	Kemudahan Keluarga	43
4.3.2	Pendidikan Ibu Bapa	45
4.3.3	Pekerjaan Ibu Bapa	46
4.3.4	Pendapatan Ibu Bapa	47
4.3.5	Saiz Keluarga	47
4.4	Bahagian C : Pencapaian Akademik Pelajar	49
4.5	Hubungan Di antara SSE dengan Pencapaian Akademik Pelajar	52
4.5.1	Analisis Regresi Linear Mudah Hubungan Di antara Kemudahan Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	52
4.5.2	Analisis Regresi Linear Mudah Hubungan Di antara Pendidikan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	54
4.5.3	Analisis Regresi Linear Mudah Hubungan Di antara Pekerjaan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	55
4.5.4	Analisis Regresi Linear Mudah Hubungan Di antara Pendapatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	56
4.5.5	Analisis Regresi Linear Mudah Hubungan Di antara Saiz Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	57
4.5.6	Analisis Regresi Berbilang Hubungan Di antara Status Sosio Ekonomi (SSE) dengan Pencapaian Akademik Pelajar	58
4.6	Kesimpulan	60

**BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

<b>5.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>61</b>
<b>5.2</b>	<b>Perbincangan dan Rumusan</b>	<b>62</b>
5.2.1	Hubungan Di antara Kemudahan Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	62
5.2.2	Hubungan Di antara Pendidikan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	63
5.2.3	Hubungan Di antara Pekerjaan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	65
5.2.4	Hubungan Di antara Pendapatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	66
5.2.5	Hubungan Di antara Saiz Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	67
<b>5.3</b>	<b>Cadangan</b>	<b>69</b>
5.3.1	Ibu Bapa	69
5.3.2	Pihak Sekolah	70
5.3.3	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	70
<b>5.4</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>71</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>72</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>77</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Status Pencapaian Akademik Pelajar Mengikut Gred	33
3.2	<i>Gulford's Rules of Thumbs</i>	34
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	39
4.2	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	39
4.3	Taburan Responden Mengikut Jurusan	40
4.4	Taburan Responden Mengikut Kedudukan dalam Keluarga	41
4.5	Taburan Responden Mengikut Ketua Keluarga	42
4.6	Taburan Responden Mengikut Kemudahan Keluarga	43
4.7	Taburan Responden Mengikut Pendidikan Ibu Bapa	45
4.8	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa	46
4.9	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa	47
4.10	Taburan Responden Mengikut Saiz Keluarga	48
4.11	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik (PMR)	50
4.12	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik (Ujian Pertengahan Tahun Tingkatan 4)	51
4.13	Jadual Analisis Regresi Mudah bagi Kemudahan Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	53
4.14	Jadual Analisis Regresi Mudah bagi Pendidikan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	54
4.15	Jadual Analisis Regresi Mudah bagi Pekerjaan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	55
4.16	Jadual Analisis Regresi Mudah bagi Pendapatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Akademik Pelajar	56

4.17	Jadual Analisis Regresi Mudah bagi Saiz Keluarga dengan Pencapaian Akademik Pelajar	57
4.18	Jadual Analisis Regresi Berbilang bagi SSE dengan Pencapaian Akademik Pelajar	58



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori	9
3.1	Rangkakerja Operasi	27
4.1	Kemudahan Keluarga dan Pencapaian Akademik Pelajar	53
4.2	Pendidikan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar	54
4.3	Pekerjaan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar	55
4.4	Pendapatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar	56
4.5	Saiz Keluarga dan Pencapaian Akademik Pelajar	57



**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	77
B	Nilai Alpha : Kajian Rintis	83
C	Borang Pengesahan Pakar: Soal Selidik	84
D	Jadual Latar Belakang Responden	85
E	Jadual Frekuensi : Bahagian B	86
F	Jadual Frekuensi : Bahagian C	90
G	Analisis Ujian Regresi Mudah dan Ujian Regresi Berbilang	92
H	Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian	99



## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Sistem pendidikan di Malaysia yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bertujuan memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab serta berkeupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Falsafah Pendidikan Negara kini dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan pengubahsuaian beberapa perkataan.

*"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan*

*warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”*

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999).

Menurut kenyataan tersebut, jelas menggambarkan hasrat kerajaan iaitu menjadikan pendidikan sebagai suatu wadah untuk rakyatnya mendalamai ilmu pengetahuan seterusnya dapat menyumbangkan tenaga untuk negara. Sumbangan rakyat juga perlu dalam memperkembangkan dan membangunkan status sosio ekonomi (SSE) mereka supaya dengan kestabilan ekonomi ini rakyat dapat hidup dalam suasana yang harmoni dan makmur.

Dewasa ini, SSE menjadi suatu perkara yang penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Orang yang mempunyai SSE tinggi tidak sukar untuk menghadapi kehidupan seharian. Berbeza pula dengan mereka yang mempunyai SSE rendah, tentulah banyak perkara yang tidak dapat dicapai sebagaimana yang diimpikan.

Malaysia selaku negara membangun sentiasa berusaha untuk mengurangkan jurang ekonomi rakyatnya. Kestabilan dari segi ekonomi adalah penting bagi sesebuah negara supaya dapat menjana pembangunan material dan insan. Sektor pendidikan juga tidak terlepas daripada perancangan kerajaan untuk dijana bagi melahirkan manusia yang berguna kepada negara. Namun yang pentingnya kestabilan ekonomi dititikberatkan.

Kos bagi bidang pendidikan semakin hari semakin bertambah. Masyarakat pula berlumba-lumba untuk meningkatkan taraf pendidikan anak-anak mereka. Mahu tidak mahu faktor sosio ekonomi akan mempengaruhi masyarakat terhadap

peluang mereka dalam bidang pendidikan. Secara tidak langsung faktor SSE ini nanti akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah maupun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

### 1.2 Latar belakang Masalah

Secara umumnya, status sosio ekonomi (SSE) keluarga mempunyai hubungan kait dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai SSE yang tinggi mungkin tidak menghadapi masalah dalam proses pembelajaran. Manakala, pelajar yang mempunyai SSE yang rendah mempunyai banyak masalah.

Dasar pendidikan di Malaysia bertujuan untuk memastikan semua orang mendapat pendidikan walau di mana sahaja mereka berada. Jurang perbezaan yang terdapat dalam pendidikan antara golongan berada dengan golongan miskin perlu dikurangkan.

Secara asasnya, pihak berwajib telahpun melengkapkan pelbagai kemudahan di semua sekolah tidak kira di bandar maupun luar bandar. Contohnya, skim pinjaman buku teks, program bantuan makanan percuma dan biasiswa serta skim pemberian wang bagi pembelian perkara asas dan keperluan. Namun, pencapaian akademik pelajar masih lagi berada pada tahap yang tidak memuaskan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar (Hazil, 1990). Ini mungkin wujud faktor-faktor lain seperti SSE dan faktor persekitaran yang menyebabkan kemunduran berlaku.

Dapatlah disimpulkan bahawa pencapaian akademik pelajar adalah permulaan dari segi perkaitan dengan SSE keluarga. Maka menjadi hasrat pengkaji untuk melihat sejauhmana SSE keluarga mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam dunia moden hari ini, bidang pendidikan adalah sektor yang penting kepada pembangunan bagi sesebuah negara. Maju mundurnya sesebuah negara itu berkait rapat dengan tahap pendidikan yang dicapai oleh warganya. Maka tergambarlah dalam fikiran bahawa tugas bagi menyediakan manusia yang mempunyai pendidikan terpikul dibahu ahli pendidikan atau guru. Peranan guru adalah amat penting bagi menjayakan matlamat untuk meningkatkan pencapaian dalam pendidikan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab untuk mendidik anak-anak bukanlah tugas guru semata-mata. Ini kerana tugas guru adalah terhad di sekolah sahaja, sedangkan ibu bapa lebih banyak masa bersama dengan anak-anak mereka.

Tajul Ariffin (1990), ada menyatakan bahawa perhubungan dan interaksi di antara pelajar dengan guru di sekolah hanyalah sekitar 30 peratus dalam sehari. Berbanding interaksi anak-anak dengan ibu bapa adalah melebihi 70 peratus dalam masa satu hari. Selain itu, menurut Pamela (1993), guru dan ibu bapa memainkan peranan yang sama penting dalam memastikan kecemerlangan dan kejayaan pelajar. Beliau berpendapat guru mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pedagogi dan subjek yang diajar, manakala ibu bapa pula berperanan dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang baik dan selesa kepada anak-anak mereka.

Oleh itu, jelas bahawa ibu bapa sebenarnya memainkan peranan yang penting bagi memastikan kecemerlangan dan kejayaan anak-anak mereka. Penglibatan ibu bapa dan keluarga dalam pelajaran anak-anak juga akan meningkatkan pencapaian akademik mereka dan secara tidak langsung dapat menggalakkan sikap positif di kalangan pelajar sekolah menengah (Henderson, 1995).

Faktor SSE seperti latar belakang keluarga, taraf pendidikan, pekerjaan dan lain-lain lagi merupakan beberapa faktor yang dikatakan menyumbang kepada maju

mundurnya pencapaian pelajar dalam akademik. Menurut Abdul Rahim (1997), faktor latar belakang, pekerjaan ibu bapa, jumlah pendapatan dan saiz keluarga mempunyai kesan yang amat besar kepada pencapaian akademik pelajar. Sebaliknya, Hamdan (1989) menyatakan untuk menjamin kejayaan anak-anak dalam pelajaran, tidak semestinya seseorang ibu atau bapa itu mempunyai pendidikan yang tinggi, bahkan kejayaan boleh dicapai walaupun ibu atau bapa itu buta huruf.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, pengkaji ingin mengkaji hubungan di antara status sosio ekonomi (SSE) keluarga dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar aliran teknikal di lima buah Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan di antara status sosio ekonomi (SSE) keluarga seperti kemudahan, pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan saiz keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mempunyai beberapa objektif khusus iaitu:

- 1) Menentukan hubungan kemudahan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.
- 2) Menentukan hubungan pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.
- 3) Menentukan hubungan pekerjaan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

- 4) Menentukan hubungan pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.
- 5) Menentukan hubungan saiz keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.

### 1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang diutarakan dalam kajian ini bagi menjawab pernyataan masalah. Di antara persoalannya ialah:

- 1) Adakah wujud perhubungan di antara kemudahan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar ?
- 2) Adakah wujud perhubungan di antara pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar ?
- 3) Adakah wujud perhubungan di antara pekerjaan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar ?
- 4) Adakah wujud perhubungan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar ?
- 5) Adakah wujud perhubungan di antara saiz keluarga dengan pencapaian akademik pelajar ?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang terhasil daripada persoalan kajian adalah:

### 1.6.1 Hipotesis Pertama

Hipotesis nul ( $H_0$ ): Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara kemudahan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis alternatif ( $H_a$ ): Terdapat perhubungan yang signifikan di antara kemudahan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.

### 1.6.2 Hipotesis Kedua

Hipotesis nul ( $H_0$ ): Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis alternatif ( $H_a$ ): Terdapat perhubungan yang signifikan di antara pendidikan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

### 1.6.3 Hipotesis Ketiga

Hipotesis nul ( $H_0$ ): Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pekerjaan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis alternatif ( $H_a$ ): Terdapat perhubungan yang signifikan di antara pekerjaan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

#### **1.6.4 Hipotesis Keempat**

Hipotesis nul (Ho): Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis alternatif (Ha): Terdapat perhubungan yang signifikan di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.


#### **1.6.5 Hipotesis Kelima**

Hipotesis nul (Ho): Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara saiz keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis alternatif (Ha): Terdapat perhubungan yang signifikan di antara saiz keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.



### 1.7 Kerangka Teori



Rajah 1.1: Kerangka Teori

### 1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini nanti diharap dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak tertentu untuk panduan dan tindakan yang sepatutnya. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti di bawah:

- 1) Kajian ini boleh memberikan maklumat-maklumat berkenaan latar belakang dan status sosio ekonomi (SSE) keluarga yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar.
- 2) Kajian ini akan memberi garis panduan kepada pihak sekolah dalam menangani masalah pencapaian pelajar dengan merujuk kepada latar belakang dan SSE keluarga.
- 3) Hasil kajian nanti diharap akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesan kepelbagaian SSE terhadap prestasi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar.

### 1.9 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian berkenaan hubungan di antara SSE keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga ingin melihat faktor-faktor SSE yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka iaitu kemudahan keluarga, pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa dan saiz keluarga.

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat aliran teknikal di lima buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan iaitu SMT Tuanku Jaafar, SMT Juasseeh, SMT Pertanian Rembau, SMT Ampangan dan SMT Port Dickson.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Abdul Rashid (1997). "Pengurusan Bilik Darjah." *Utusan Malaysia* 4 Jun. ms 6.

Abd. Rahman Ali (1998). "Kajian Gaya Kepimpinan Pengetua-pengetua Sekolah dengan Keberkesanannya Sekolah, Di Sekolah-sekolah Menengah dalam Daerah Sik, Kedah Darulaman." Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia).

Admawati Md. Adnan (2001). "Tinjauan Ke atas Pola Nilai, Kepercayaan dan Motivasi yang Dihayati oleh Pelajar KUiTTHO: Tinjauan ke atas Pelajar Semester Pertama Diploma Kejuruteraan KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Atan Long (1998). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahren Osman (1997). "Kepuasan Kerja Ketua Panitia: Satu Perbandingan antara Sekolah Terbaik Setiap Daerah di Negeri Johor dan Hubungannya dengan Prestasi Akademik Pelajar." Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Ijazah Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia.

Ballantine H. J. (1997). "The Sociology of Education." 4<sup>th</sup> Edition. New Jersey: Prentice Hall.

- Banks, O. (1987). "Sosiologi Pendidikan." Diterjemah oleh Robiah Sidin dan Zaiton Sidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bidin Yatim (2000). "Statistik Gunaan." Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Cohen, L. and Marion, L. (1994). "Research Methods in Education." London: Routledge.
- Cotton, K. and Wiklund, K. R. (1989). "Parent Involvement in Education School Improvement." Research Series. <http://www.nwrel.org/scpd/sirs/3/cud.html>. dicapai pada 23-1-2002.
- Desimone, L. (1999). "Linking Parent Involvement with Student Achievement: Do Race and Income Matter." *Journal of Education Research*. Bil. 93 (1) 11-30.
- Duffield, et. al (1996). "The Social Class Dimension in a School Effectiveness Study: Approaches to Learning and Teaching." *Educational Research*. <http://www.leeds.ac.uk/educol/documents/000000169.htm>. dicapai pada 7-7-2003.
- Ee, Ah Meng (2000). "Siri Diploma Perguruan: Bimbingan dan Kaunseling." Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Habibah Elias (1997). "Motivasi Keluarga Bahagia." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hamdan Sheikh Tahir (1989). "Pendidikan Hari Ini Untuk Hari Esok." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazil Abd Hamid (1990). "Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan Negara." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henderson, A. T. (1995). "Families and Student Achievement." *PTA Today*. Bil 20(4) 12-14.

Kamus Dewan (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejeie, R. V. and Morgan, D. W. (1970). "Determining Sample Size for Research." *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.

Laporan Pensyarah (1987). "Kajian Prestasi Pelajar-pelajar UKM." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2000). "Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Terpilih (1998)." Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Levine, R. A. (1980). "Influence of Women's Schooling on Maternal Behaviour in the Third World. *Comparative and International Society*. June. 78-81.

Luster, T. and McAdoo, H. (1991). "Factors Related to the Achievement and Adjustment of Black Children." Seattle: Society for Research in Child Development.

Mahmood Nazar dan Sabitha Marican (1998). "Pengenalan kepada Sains Sosial: Asas-asas Penyelidikan Sains Sosial." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Nor Che' Noh (1990). "Asas-asas Pendidikan Satu Pengenalan." Selangor: Flo Enterprise.

Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh Lebar (1998). "Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan." Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

**Mohd Sheffie Abu Bakar (1995). "Metodologi Penyelidikan." Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.**

**Mohd Zamri Mohd Zain, Kerk, Swee Tian dan Zaidi Othman (1998).**  
**"Sejauhmanakah Latar Belakang Keluarga Mempengaruhi Pencapaian Pelajar di Peringkat SPM: Satu Kajian Kes Pelajar Semester 1, Ijazah Sarjana Muda ITTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana Pendidikan.**

**Noor Azizah Ahmad dan Teh, Yik Koon (1998). "Pengenalan kepada Sains Sosial."**  
**Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.**

**Pamela, M. (1993). "Parents and School: Customer, Managers or Partners." London: Rout Ledge.**

**Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). "Falsafah Pendidikan Kebangsaan." Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.**

**Rohaty Mohd Majzub (1998). "Memahami Minda dan Jiwa Remaja." Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.**

**Roslan Awang (2001). "Perkaitan di antara Status Sosio Ekonomi Keluarga dengan Pencapaian Akademik." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal).**

**Sekaran, U. (1992). "Research Methods for Business." 3<sup>rd</sup> Edition. New York: John Wiley & Sons, Inc.**

**Seweel, W. H. and Hauser (1995). "School, Class, Parental Encouragement and Education Aspiration." *American Journal of Sociology*. Vol. 73.**

**Sharifah Alwiyah Alsagoff (1985). "Sosiologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Singh (1980). "Ethnicity, Class and Development Malaysia." Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Sulaiman Ngah Razali (1996). "Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tajul Ariffin Noordin (1990). "Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yaakob, et. al (1990). "Perkaitan Beberapa Faktor Latar Belakang Keluarga dengan Prestasi Akademik Pelajar." *Jurnal Pendidikan Ketua Panitia, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Bil. 6. 87.

Yayasan Sabah (1989). "Pendidikan di Sabah: Satu Penilaian." <http://www.ids.org.my/publications/ResearchPaper/ReportUndertaken/Socialdevelopment/Report43.htm>. dicapai pada 7-7-2003.

Zukarnain Zakaria dan Hishamuddin Md. Som (2001). "Analisis Data Menggunakan SPSS WINDOWS." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

